

No. Soalan: 253  
PR-1361-T02205

141

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB BUKAN LISAN**  
**DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN : JAWAB BUKAN LISAN**

**DARIPADA : TUAN MANIVANNAN A/L GOWINDASAMY [ KAPAR ]**

**SOALAN : Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [ Kapar ] minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan:**

a) pendirian Kerajaan terhadap isu Sahara Barat – adakah kerajaan Malaysia ingin mengiktiraf Sahara Barat sebagai sebuah negara merdeka berdaulat bernama 'Republik Demokrasi Arab Sahara' atau menganggapnya sebagai sebahagian daripada Maghribi; dan

b) pendirian Kerajaan, dengan alasan, mengenai status Abkhazia, Cyprus Utara, Republik Demokratik Arab Sahrawi (Sahara Barat), Ossetia Selatan, Nagorno Karabakh, Transnistria, dan Somaliland, yang telah mengisyiharkan kemerdekaan namun gagal mendapat pengiktirafan antarabangsa yang meluas sejagat.

## JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Kapar atas pertanyaan yang dikemukakan.

2. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, Kerajaan Malaysia tetap bersikap neutral terhadap isu Sahara Barat. Malaysia tidak mempunyai kepentingan secara langsung di Sahara Barat. Kebimbangan utama Kerajaan Malaysia adalah berkenaan keamanan, keselamatan dan kestabilan di kawasan tersebut yang boleh memberi kesan kepada kesejahteraan rakyat di rantau berkenaan. Sejarah telah membuktikan bahawa ketidakstabilan dan kacau-bilau di satu-satu rantau boleh memberi kesan kepada rantau-rantau yang lain.
3. Dalam hal ini, Kerajaan Malaysia berpendapat bahawa semua pihak yang terlibat perlu terus berbincang dan mencari penyelesaian yang baik berkenaan pertikaian yang telah mengambil masa yang cukup lama ini. Kerajaan Malaysia mengalu-alukan komitmen politik yang tinggi yang ditunjukkan kedua-dua pihak, serta juga sikap keterbukaan untuk berdialog dan berunding secara lebih intensif, dengan niat yang baik dan tanpa prasyarat.
4. Dari segi hubungan dua hala di antara Malaysia dan pihak-pihak yang terlibat, Kerajaan Malaysia mengambil pendekatan berhati-hati tetapi berhemat, yang tidak menentang atau menyokong pihak-pihak tersebut di dalam isu Sahara Barat ini. Oleh itu, Kerajaan Malaysia